

Malaysia mungkin tidak . hadiri Sidang Puncak Alam (P)

17 AUG 1991

SUBANG JAYA 16 Ogos — Malaysia tidak akan menghantar wakil ke 'Sidang Kemuncak Alam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Brazil Jun tahun depan jika keputusan telah dibuat untuk menjadikan sidang tersebut sebagai landasan menjatuhkan imej Malaysia.

Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, jika sidang antarabangsa itu hendak digunakan oleh negara-negara maju bagi mengenakan tekanan ke atas negara-negara lemah, adalah lebih baik negara-negara lemah itu mengadakan persidangan mereka sendiri.

"Kalau kita hendak ke sana untuk mendengar mereka memaki hamun kita, tidak ada gunanya pergi," tegas Perdana Menteri sebagai mengulas

laporan sebuah rencana yang mendakwa Sidang Kemuncak Alam di Brazil itu akan dijadikan oleh kumpulan-kumpulan pencinta alam sebagai sasaran mengutuk Malaysia.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Kolej Pakar Perubatan Am di sini.

Rencana tersebut yang dipetik daripada majalah terbaru 'Executive Intelligence Review' yang berpejabat di Washington mendakwa serangan besar-besaran ke atas Malaysia oleh pergerakan pencinta alam sejak akhir-akhir ini adalah merupakan satu siri tindakan yang sengaja dilakukan sebelum Sidang Kemuncak Alam Jun tahun depan.

Menurut rencana itu, Malaysia menjadi sasaran pertama kerana negara ini kecil dan terpencil, sedangkan sasaran utama mereka ialah Brazil iaitu sebuah negara yang terlalu kuat untuk dicabar.

Kumpulan pencinta alam itu juga dikatakan sedang cuba mendesak negara-negara lain mengenakan sekatan ekonomi yang akan menjatuhkan Malaysia.

Tunjuk perasaan di Sarawak 5 Julai lalu adalah sebahagian daripada rancangan ini dan pencinta-pencinta alam yang terlibat kebanyakannya adalah ahli pertubuhan 'Earth First' yang telah menggunakan isu balak dan kaum Penan sebagai usaha untuk menggerakkan pencinta-pencinta alam di seluruh dunia supaya mendesak kerajaan-kerajaan Barat mengharamkan import kayu dan hasil-hasil lain dari Malaysia.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, adalah menjadi niat kumpulan-kumpulan ini untuk melihat Malaysia disingkirkan dan masalah masyarakat Penan di Sarawak hanyalah merupakan satu alasan bagi membolehkan mereka menekan negara-negara kecil dan seterusnya menjajah negara tersebut.

"Mereka akan guna apa saja cara untuk menjajah negara kecil seperti Malaysia yang nampak sudah bangun dan berani bercakap sedikit, malah

LIHAT MUKA 2

MALAYSIA MUNGKIN TAK HADIR

mereka akan ketuk kepala kita sampai tidak boleh lagi bangun," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan mencadangkan supaya negara-negara Dunia Ketiga mengadakan persidangan alam sekitar mereka sendiri, Perdana Menteri menjelaskan, setakat ini beliau tidak dapat bekat sebarang keputusan berhubung dengan perkara itu.

"Saya hendak tahu dulu apakah maksud sebenarnya mereka melancarkan peperangan ke atas Malaysia," katanya.

Beliau menjelaskan, kalau sidang kemuncak itu sudah dirancang untuk menyingkirkan Malaysia daripada dunia, itu bukanlah persidangan yang dapat mencari penyelesaian masalah alam sekitar.

"Kita semua tahu alam sekitar kita dicemar oleh negara-negara maju bukannya oleh Malaysia tetapi mereka tetap mahu menggunakannya sebagai isu politik," tambahnya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak akan bertindak balas terhadap rancangan yang diatur oleh pencinta-pencinta alam itu.

Menurutnya, Malaysia juga tidak dapat berbuat apa-apa jika mereka mahu meminta negara-negara maju mengenakan sekatan ekonomi kepada Malaysia.

"Mereka boleh buat apa saja mereka suka kerana mereka kuat, lagipun kalau kita kenakan embargo ke atas negara-negara ini ia tidak akan membawa kesan," tambah Perdana Menteri.

Ditanya adakah Malaysia akan menghantar wakil untuk menerangkan perkara sebenar di negara-negara maju, katanya, "kalau mereka ada keinginan untuk memberi pertimbangan yang bertanggungjawab kita akan menghantar pegawai-pegawai tetapi kalau mereka sudah hendak lancarkan peperangan terhadap kita, apa gunanya kita pergi."

Beliau berpendapat, kumpulan-kumpulan alam sekitar ini mem-

punyai hubungan antara satu sama lain kerana kegiatan mereka diancang rapi dan bergerak secara meluas.

"Saya yakin ada pihak-pihak tertentu yang membiayai mereka supaya mereka dapat melanggar undang-undang kita serta menimbulkan masalah bagi menjejaskan ekonomi kita.

"Mereka mahu supaya negara ini kucar-kacir dan rakyat menjadi miskin, serta terpaksa meminta sedekah daripada mereka dan akhirnya mereka kononnya akan tunjuk simpati," tambah Perdana Menteri.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, mereka mahu melihat masyarakat Penan terus menjadi orang hutan yang tidak perlu diberi jagaan.

"Kalau dibandingkan nasib masyarakat Penan dengan nasib Aborigines di Australia dan Red Indians di Amerika, kita tahu masyarakat Red Indians sekarang berada dalam kumpulan yang ketinggalan zaman.

"Sebaliknya, kita mahu masyarakat Penan menikmati hak yang sama dengan orang-orang lain," tambahnya.

Sidang Kemuncak Bumi di Brazil itu dijadual menandatangani satu perjanjian ekologi antarabangsa yang akan mengawasi semua aktiviti ekonomi dan perdagangan bagi menyelamatkan permukaan bumi daripada kegiatan perindustrian manusia yang didakwa mengakibatkan kemusnahan.

M&rut rencana yang dipetik tadi, perang alam sekitar terhadap Malaysia kini sebahagian besarnya dilancarkan di Barat.

Dalam masa beberapa minggu lalu, pencinta-pencinta alam membuat sekatan ke atas kapal pembawa balak di Nantes, Perancis, kepungan di Pelabuhan Bremen, Jerman, tunjuk perasaan di mesyuarat Kumpulan Tujuh Negara Perindustrian (G7) di London dan di Kedutaan Malaysia di The Hague dan London.